# PELAN TINDAKAN SOSIAL ISLAM 2.0

2019 - 2025





JAKIM

# PELAN TINDAKAN SOSIAL ISLAM 2.0

2019 - 2025



**BOLEH MUAT TURUN**

**SALINAN DIGITAL PTSI 2.0**

QR CODE

SCAN ME

JAKIM

# PELAN TINDAKAN SOSIAL ISLAM 2.0

2019 - 2025







**Penerbit:**

JAKIM

جابتن كماجوان إسلام مليسيا

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**www.islam.gov.my**

**Cetakan Pertama 2024**

**© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara eletronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.**

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-983-042-694-5

**Diterbitkan oleh:**
**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**
**Bahagian Dasar Kemajuan Islam**
**Aras 6, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya,**
**No.23, Jalan Tunku Abdul Rahman,**
**Presint 3, 62100 Putrajaya.**

**Dicetak dan Atur Huruf oleh:**
**PERCETAKAN NORFATIMAH SDN. BHD.**
**No 19, Jalan Alfa Impian 1,**
**Taman Perindustrian Alfa Impian,**
**43300 Balakong,**
**Selangor Darul Ehsan.**

# ISI KANDUNGAN




Punca Kuasa Pelaksanaan PTSI vii

Mesej YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) viii

Mesej Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ix


# 1 PENGENALAN




Ringkasan Eksekutif 2

Objektif, Misi dan Visi 4

Teras Strategik 6

Semakan Separuh Penggal
- Pendekatan 7
- Konsep Pengukuran 9
- Rumusan Semakan Separuh Penggal 10

# 2 KERANGKA & KONSEP




Pernyataan Dasar 13

Kerangka PTSI 13

Penjajaran 16

Konsep Pelaksanaan 17


# 3 PELAKSANAAN PTSI




Matriks Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI 2.0) 2019-2025 21

PENUTUP 71

GLOSARI 72

# PUNCA KUASA

## Pelaksanaan

**PELAN TINDAKAN**
Sosial Islam (PTSI)
2019-2025

**Pelan Tindakan Sosial Islam 2019-2025** dipersetujui pada tahun 2019 melalui Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-66 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Jun 2019 sebagai inisiatif menangani gejala sosial dalam kalangan umat Islam di negara ini.

# MESEJ

## YANG BERHORMAT SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR




## MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

"Tanggungjawab memacu proses pencegahan, rawatan dan pemulihan bagi menangani isu-isu gejala sosial dalam kalangan umat Islam memerlukan sinergi dan keterlibatan secara bersepadu daripada semua pihak berwajib dan segenap lapisan masyarakat. Tata kelola yang mantap dan bimbingan yang positif juga penting untuk mencipta lingkungan yang harmonis seterusnya mampu melahirkan generasi al-falah yang baik. Pemberdayaan masyarakat merupakan strategi penting yang perlu disepakati oleh semua pihak dalam membendung gejala sosial daripada terus membarah."

## MESEJ

YBHG. DATIN PADUKA HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF



## KETUA PENGARAH

# JAKIM

"Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) merupakan pelan yang berstrategi melalui pendekatan secara bersasar dan berstruktur yang lebih inklusif serta komprehensif untuk mengatasi masalah sosial dalam kalangan umat Islam di negara ini. Matlamat, strategi, dan langkah-langkah konkrit diperlukan bagi mencapai perubatan yang diinginkan sejajar dengan Dasar Sosial Negara, Maqasid Syariah dan Perlembagaan Persekutuan."



PTSI 2.0

# PENGENALAN

01 RINGKASAN EKSEKUTIF

02 OBJEKTIF

03 MISI DAN VISI

04 TERAS STRATEGIK

05 RUMUSAN SEMAKAN SEPARUH PENGGAL



# 01 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) 2019-2025 diwujudkan sebagai salah satu inisiatif dalam usaha menangani masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini. PTSI telah digubal pada tahun 2017 secara kolektif oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama rakan-rakan strategik dari agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi membolehkan pihak-pihak berkaitan memainkan peranan yang lebih berkesan dan proaktif. Pelaksanaan PTSI dipersetujui pada tahun 2019 melalui Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-66 pada 13 Jun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada ketika itu sebagai inisiatif menangani gejala Sosial.

PTSI merupakan dokumen yang menggariskan pelaksanaan inisiatif berteraskan hala tuju strategik dan perancangan program secara bersasar bagi mencapai objektif yang ditetapkan dalam tempoh tujuh (7) tahun. PTSI mengandungi lima (5) teras, tujuh belas (17) strategi dan enam puluh empat (64) program pada asalnya. Kemudian selepas semakan separuh penggal dilaksanakan, jumlah program dikemas kini menjadi 62 program.

Mekanisme pelaksanaan PTSI adalah melalui dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) serta dianggotai oleh ketua setiausaha kementerian dan agensi yang berkaitan dan Jawatankuasa Pelaksana yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan dianggotai oleh ketua pengarah jabatan-jabatan yang dilantik, serta wakil Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN).

Pembangunan PTSI dijajarkan dengan Dasar Sosial Negara (DSN) berteraskan lima prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama (*Hifz ad-Din*), menjaga nyawa (*Hifz an-Nafs*), menjaga akal (*Hifz al-'Aql*), menjaga keturunan (*Hifz Nasab*) dan menjaga harta (*Hifz al-Mal*) serta sembilan (9) Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dalam merealisasikan pembangunan sosial berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan sejahtera.



## 02 OBJEKTIF



### 1 KERJASAMA BERSEPADU

Mewujudkan kerjasama dan tindakan yang bersepadu antara semua agensi bagi menangani gejala sosial dalam kalangan umat Islam.

### 2 MELAKSANA PENYELARASAN

Melaksanakan penyelarasan program antara semua agensi bagi menangani gejala sosial dalam kalangan masyarakat Islam.

### 3 STRATEGI HOLISTIK

Memudahkan perkongsian maklumat terkini dan merangka strategi menangani gejala sosial secara holistik dan efisien.

## MISI

Memacu kesejahteraan sosial masyarakat Islam secara holistik dan berstrategi bagi memenuhi aspirasi negara.

## VISI

Membentuk masyarakat Islam lebih sejahtera melalui sinergi dan kerjasama strategik semua pihak.

# 5 TERAS STRATEGIK

PTSI 2.0



# 05 SEMAKAN SEPARUH PENGGAL

## Pendekatan

Dalam usaha memantapkan pelaksanaan Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI), proses semakan separuh penggal dijalankan sejak Oktober 2022 melalui dua pendekatan utama:



### Pendekatan 1

#### Proses Semakan Semula Pelan

Proses ini dilaksanakan meliputi empat aktiviti utama, iaitu:

- Melantik *Task Force* untuk menyemak dan menganalisa pelan.
- Melaksanakan analisis jurang terhadap program-program yang dilaksanakan.
- Menilai setiap pencapaian teras strategik yang sedia ada.
- Mencadangkan penambahbaikan program-program.

## Pendekatan 2 Proses Libat Urus

Libat urus melibatkan empat belas (14) kementerian dan agensi, lapan (8) agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), dan empat belas (14) Jabatan Agama Islam Negeri dalam usaha awal mewujudkan kesepaduan komitmen dan sinergi dalam melaksanakan semakan separuh penggal PTSI dengan panduan dan khidmat nasihat daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



## Konsep Pengukuran

Pengukuran prestasi dalam semakan separuh penggal PTSI ini menggunakan konsep **KEKAL, PINDA, MANSUH** dan **BAHARU**:

### K — KEKAL

Program yang dirancang tidak/ kurang mengalami masalah dalam pelaksanaan dan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan *(on schedule)*

### P — PINDA

Program yang dirancang mengalami masalah yang menyebabkan sasaran tidak dapat dicapai sepenuhnya namun masih boleh dilaksanakan dengan penambahbaikan terhadap program tersebut.

### M — MANSUH

Program yang dirancang tidak dapat dilaksanakan/tidak boleh mencapai sasaran yang ditetapkan kerana faktor yang tidak dapat dikawal oleh agensi.

### B — BAHARU

Program yang dirancang bagi menggantikan program yang tidak dapat dilaksanakan/ program tambahan bagi membantu agensi mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam Pelan.

PTSI

| | STRATEGI | PROGRAM |
|---|---|---|
| ASAL | 17 | 64 |
| BAHARU | 17 | 62 |

## Rumusan Semakan Separuh Penggal PTSI 2019-2025

Selepas melaksanakan proses semakan separuh penggal dengan menggunakan kaedah KEKAL, PINDA, MANSUH, BAHARU, sebanyak lima (5) teras dan tujuh belas (17) strategi dikekalkan, manakala enam puluh empat (64) program telah berkurang menjadi enam puluh dua (62) program sebagaimana berikut:

| TERAS | | STRATEGI | PROGRAM | KEKAL | PINDA | MANSUH | BAHARU | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Pengukuhan Institusi Keluarga dan Sosial | 03 | 16 | 0 | 8 | 7 | 6 | 14/16 |
| 2 | Pemerkasaan Pendidikan Agama | 04 | 16 | 6 | 9 | 1 | 3 | 18/16 |
| 3 | Pembangunan Penyelidikan (R&D) | 02 | 05 | 1 | 4 | 1 | 1 | 6/5 |
| 4 | Pemerkasaan Undang-Undang | 02 | 07 | 0 | 7 | 1 | 1 | 8/7 |
| 5 | Pemerkasaan Sistem Sokongan Sosial | 06 | 20 | 3 | 10 | 7 | 3 | 16/20 |

| TERAS | SEDIA ADA | SELEPAS SEMAKAN |
|---|---|---|
| 1 | **Pernyataan Teras:**<br>**Pengukuhan Istitusi Keluarga dan Sosial**<br>Bilangan Strategi: 03<br>Bilangan Program: 16 | **Pernyataan Teras:**<br>**Pengukuhan Istitusi Keluarga dan Sosial**<br>Bilangan Strategi: 03<br>Bilangan Program: 14 |
| 2 | **Pernyataan Teras:**<br>**Pemerkasaan Pendidikan Agama**<br>Bilangan Strategi: 04<br>Bilangan Program: 16 | **Pernyataan Teras:**<br>**Pemerkasaan Pendidikan Agama**<br>Bilangan Strategi: 04<br>Bilangan Program: 18 |
| 3 | **Pernyataan Teras:**<br>**Pembangunan Penyelidikan (R&D)**<br>Bilangan Strategi: 02<br>Bilangan Program: 05 | **Pernyataan Teras:**<br>**Pembangunan Penyelidikan (R&D)**<br>Bilangan Strategi: 02<br>Bilangan Program: 06 |
| 4 | **Pernyataan Teras:**<br>**Pemerkasaan Undang-Undang**<br>Bilangan Strategi: 02<br>Bilangan Program: 07 | **Pernyataan Teras:**<br>**Pemerkasaan Undang-Undang**<br>Bilangan Strategi: 02<br>Bilangan Program: 08 |
| 5 | **Pernyataan Teras:**<br>**Peluasan Sistem Sokongan Masyarakat dan Keupayaan Organisasi**<br>Bilangan Strategi: 06<br>Bilangan Program: 20 | **Pernyataan Teras:**<br>**Pemerkasaan Sistem Sokongan Sosial**<br>Bilangan Strategi: 06<br>Bilangan Program: 16 |



PTSI 2.0

# KERANGKA DAN KONSEP

01 PERNYATAAN DASAR

02 KERANGKA

03 KONSEP PELAKSANAAN

## 01 PENYATAAN DASAR

"Memacu dan memperkukuhkan kesejahteraan umat Islam melalui **sinergi strategik** yang dijajarkan selari dengan **Dasar Sosial Negara, Maqasid Syariah** dan **Perlembagaan Persekutuan.**"



## 02 KERANGKA

# PELAN TINDAKAN SOSIAL ISLAM (PTSI) 2019-2025

### Jawatankuasa Pemandu

**Pengerusi**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

**Timbalan Pengerusi**
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

**Setiausaha**
Ketua Pengarah JAKIM

**Ahli (13 orang)**
KPT, KKM, KDN, KKDW, KK, KD, KPWKM, KPKT, KPM, KBS, KPN, TKP(D), TKP(O), PUU JAKIM

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

1 NO POVERTY
2 ZERO HUNGER
3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING
4 QUALITY EDUCATION
5 GENDER EQUALITY
8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES
16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS
17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

## DASAR SOSIAL NEGARA

**TERAS 1**

Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi.

**TERAS 3**

Memperkasa Institusi keluarga dan komuniti sebagai sistem sokongan sosial.

## RMK12 RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS 2021-2025

Makmur, Inklusif, Mampan

**BAB 4**

Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan.

**TUMPUAN 2**

Membangun Masyarakat Sejahtera.

# PELAN TINDAKAN SOSIAL ISLAM (PTSI) 2019-2025

**Jawatankuasa Pelaksana**

**Pengerusi**
Ketua Pengarah JAKIM

**Timbalan Pengerusi**
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

**Ahli (36 orang)**
KPT, KKM, KK, KD, KKDW, KPWKM, KPKT, KDN, KPM, KBS, KPN, PDRM, AADK, JKM, LPPKN, Mufti WP, JKSM, IKIM, YaPIEM, YADIM, TV Alhijrah, JAPENSWP, MAIWP, JAIN, TKP(D) JAKIM

**PEMANTAUAN**

**KAJIAN KEBERKESANAN**

**INDEKS MAQASID SYARIAH**

# PELAN TINDAKAN SOSIAL ISLAM (PTSI) 2019-2025



# 03 KONSEP PELAKSANAAN

## Konsep I

### Kumpulan Sasar Mengikut Had Umur Setara Piawaian Antarabangsa

Had umur berpandukan Akta-akta dan dasar-dasar yang berkaitan diperingkat negara dan antarabangsa.



## Konsep II

### Holistik Berpandukan Dasar Sosial Negara

**PTSI** dirangka secara holistik berpandukan Dasar Sosial Negara dan berteraskan Maqasid Syariah. Penumpuan diberikan kepada aspek pencegahan, pengukuhan disamping elemen rawatan kepada individu, institusi keluarga dan masyarakat secara umumnya bagi menangani gejala sosial dalam kalangan umat Islam di negara ini. Konsep ini memberi penekanan kepada program-program yang bersifat holistik bagi memberi kesedaran dan pengukuhan aspek spiritual individu dalam menjalani kehidupan sebagai manusia yang memiliki syakhsiah dan jati diri yang tinggi.



## Konsep III

### Futuristik, Relevan dan Terkini Berteraskan Maqasid Syariah

Pelaksanaan **PTSI** bersifat futuristik, relevan dan terkini berdasarkan perubahan semasa berpaksikan Maqasid Syariah.

TERAS **5**

STRATEGI **17**

PROGRAM **62**



## Konsep IV

### Merentas Pelaksana dan Institusi

Sinergi dan pendayaupayaan agensi kerajaan di peringkat persekutuan serta negeri melibatkan empat belas (14) kementerian/agensi, lapan (8) agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), dan empat belas (14) Jabatan Agama Islam Negeri.

**8**
**Agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)**

**14**
**Kementerian dan Agensi**

**14**
**Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)**

# PTSI 2.0

## PELAKSANAAN PTSI

01 PENGUKUHAN INSTITUSI KELUARGA DAN SOSIAL

02 PEMBANGUNAN PENDIDIKAN AGAMA

03 PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN (R&D)

04 PEMERKASAAN UNDANG-UNDANG

05 PEMERKASAAN SISTEM SOKONGAN SOSIAL



TERAS 1

# PENGUKUHAN INSTITUSI KELUARGA DAN SOSIAL

## STRATEGI

1. Memperkasa pendidikan kekeluargaan dan sosial yang bersepadu berteraskan prinsip ajaran Islam.
2. Memanfaatkan dan mengoptimumkan penggunaan media massa dan media sosial bagi mempromosikan nilai-nilai murni dalam institusi kekeluargaan Islam.
3. Mendidik masyarakat supaya dapat menerima/ memberi peluang kedua kepada mereka yang terlibat dengan gejala sosial.



# TERAS 1

**STRATEGI 1**

**Memperkasa pendidikan kekeluargaan dan sosial yang bersepadu berteraskan prinsip ajaran Islam**

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI**

1. Meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam kepada institusi Keluarga dan Sosial
2. Memperkukuhkan Kemahiran keibubapaan
3. Mendayaupayakan peranan lelaki bagi mengukuhkan kestabilan instirusi kekeluargaan

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Program pembangunan keluarga dan sosial | Bilangan peserta | 10,000 orang | 2019-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti) |
| ii. Pembangunan atau penambahbaikan modul/ manual/ garis panduan | Bilangan modul/manual/ garis panduan | 5 modul/ manual/ garis panduan | | |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| iii. Program pemerkasaan tanggungjawab lelaki | Bilangan program | 10 program setahun | 2019-2025 | **Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br>• KKM<br>• KKDW<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KDN/ AADK<br>• KBS<br>• JAIN/MAIN<br>• JKSM<br>• YADIM |
| iv. Program pengukuhan institusi perkahwinan | Bilangan program | 200 program setahun | | |
| v. Program intervensi perceraian | Bilangan program | 3 program setahun | | |
| vi. Program penerapan nilai-nilai murni | Bilangan program | 10 program setahun | | |

# TERAS 1

## STRATEGI 2

**Memanfaatkan dan mengoptimumkan penggunaan media massa dan media sosial bagi mempromosikan nilai-nilai murni dalam institusi kekeluargaan Islam**

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI**

1. Mempromosi konsep dan nilai-nilai kekeluargaan Islam kepada masyarakat
2. Memberi pendedahan mengenai nilai-nilai kekeluargaan yang sebenar

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Penerbitan dan siaran video *Public Service Announcement* (PSA) dan klip video untuk TV dan media sosial | Kekerapan tayangan PSA/ klip video di platform TV, radio dan media sosial kerajaan. | 5 tayangan PSA/klip video/ sebulan | 2024-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Penyiaran)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (UKK)<br>• KKM |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| | | | | • KK/KD<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KDN (AADK)<br>• JAIN/MAIN<br>• TV Al-Hijrah |
| ii. Penerbitan laporan khas di media massa | Kekerapan tayangan program laporan khas di platform TV, radio dan media sosial kerajaan | 5 program laporan khas ditayangkan sebulan | 2024-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Penyiaran)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KKD<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KDN (AADK)<br>• JAIN/MAIN |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| iii. Penerbitan dan e-penerbitan bahan-bahan bacaan / risalah / khutbah jumaat/ infografik pendidikan/ kekeluargaan dan sosial | Bilangan bahan penerbitan | 50 bahan setahun | 2019-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Penerbitan)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KKM<br>• KK/KD<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KDN (AADK)<br>• JAIN/MAIN<br>• JABATAN MUFTI NEGERI |



| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| iv. Memperluaskan advokasi kesedaran mengenai penggunaan gajet dan media sosial serta keselamatan siber kepada semua golongan masyarakat melalui media. | Bilangan program advokasi | 50 program setahun | 2019-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Penyiaran/ Unit Komunikasi Korporat)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KKM<br>• KK/KD<br>• KKDW<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KDN (AADK)<br>• JAIN/MAIN |



| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| v. Dialog/libat urus bersama penggiat seni untuk menghasilkan kandungan filem/ drama yang lebih berkualiti | Bilangan program | 3 program setahun | 2024-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Penyiaran/ Unit Komunikasi Korporat)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KKM<br>• KK/KD<br>• KKDW<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KDN (AADK)<br>• JAIN/MAIN |
| vi. Program TV dan radio terbitan JAKIM | Kekerapan tayangan program terbitan JAKIM di platform TV, radio dan media sosial kerajaan | 5 program terbitan JAKIM ditayangkan sebulan | 2019-2025 | |



## STRATEGI 3

**Mendidik masyarakat supaya dapat menerima / memberi peluang kedua kepada mereka yang terlibat berkenaan isu-isu sosial**

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI**

Mengubah persepsi dan stigma masyarakat

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI YANG BERKUASA |
|---|---|---|---|---|
| i. Program pendidikan masyarakat bagi mengatasi stigma masyarakat terhadap isu-isu sosial | Bilangan program/peserta | 100 program/ 1,000 orang setahun | 2024-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti) |



| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| ii. Program Pemulihan dan Bimbingan kerohanian kepada mereka yang terlibat dengan gejala sosial | Bilangan program/peserta | 50 program/ 250 orang setahun | 2019-2025 | **Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br>• KKM<br>• KKDW<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KDN<br>• JAIN/MAIN<br>• YADIM<br>• YaPEIM |



# TERAS 2

02

# PEMBANGUNAN PENDIDIKAN AGAMA

## STRATEGI

1. Memperkukuhkan pendidikan agama dan moral mengikut peringkat umur dalam pelbagai lapisan masyarakat.
2. Melahirkan pendidik sebagai *role model* kepada pelajar.
3. Menambahbaik prasarana dan kemudahan bagi menggalakkan pelajar menghayati agama.
4. Melahirkan pelajar yang cemerlang sahsiah dan akademik



# TERAS 2

| | |
|---|---|
| **STRATEGI 1** | **Memperkukuhkan pendidikan agama dan moral mengikut peringkat umur dalam pelbagai lapisan masyarakat** |
| **OBJEKTIF KEPADA STRATEGI** | 1. Meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam dalam mengendalikan institusi keluarga<br>2. Memperkasa penyampaian dan pengisian program kerohanian di pelbagai peringkat pendidikan seperti sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan sebagainya<br>3. Melahirkan individu dan keluarga / generasi Muslim yang berpendidikan Islam secara syumul |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Program Pengimarahan Surau/Masjid dan pengajian agama di Institusi kebajikan | Bilangan program | 100 program setahun | 2019-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah) |
| ii. Kelas Pengajian Takmir | Bilangan kelas pengajian | 500 kelas pengajian setahun | | |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| iii. Kempen kesedaran kepada masyarakat untuk anak-anak mengikuti kelas KAFA | Bilangan kempen | 6 kempen setahun (1 kempen X 6 zon) | 2024-2025 | **Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah, Bahagian Pendidikan, Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti)<br>• KPT (JPPKK)<br>• KKDW<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KPKT<br>• KDN (AADK)<br>• KPM (BPSH)<br>• KBS<br>• JAIN/MAIN<br>• YADIM<br>• YaPEIM |
| iv. Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) | Bilangan program | 100 program setahun | 2019-2025 | |
| v. Program Ziarah Cakna atau Cakna Masyarakat (Menyantuni kumpulan yang terkesan seperti B40, ibu tunggal, fakir miskin dan lain-lain) | Bilangan program | 50 program setahun | | |
| vi. Program kesukarelawanan di peringkat komuniti | Bilangan program | 100 program setahun | | |

# TERAS 2

| | |
|---|---|
| **STRATEGI 2** | **Melahirkan pendidik sebagai *role model* kepada pelajar** |
| **OBJEKTIF KEPADA STRATEGI** | Melahirkan pendidik yang bersikap *mudarris, mua'llim, murabbi, muaddib* dan *daie* |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Latihan/Kursus/ Seminar Peningkatan kompetensi dan profesionalisme pendidik | Bilangan program | 30 program setahun/ 5,000 peserta setahun | 2019 - 2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Pendidikan)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KPWKM<br>• KPM<br>• JAIN/MAIN |
| ii. Anugerah pengiktirafan kepada Tokoh Pendidik | Bilangan penerima anugerah | 14 penerima anugerah setahun (Guru KAFA)<br>30 penerima anugerah Guru Cemerlang | | |

# TERAS 2

**STRATEGI 3**

**Menambahbaik prasarana dan kemudahan bagi menggalakkan pelajar menghayati agama**

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI**

Menggalakkan pelajar melaksanakan ibadah, beradab, berdisiplin, taat dan beramal soleh

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Selenggara dan naik taraf institusi pendidikan | Jumlah premis pendidikan Islam yang diselenggara dan dinaiktaraf | 1,000 Institusi Pendidikan Islam | 2019 - 2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Pendidikan)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KPWKM<br>• KPM<br>• KPKT<br>• JAIN/MAIN |
| ii. Program kesedaran keselamatan institusi pendidikan | Bilangan program | 30 program setahun | | |

# TERAS 2

| STRATEGI 4 | Melahirkan pelajar yang cemerlang sahsiah dan akademik |
| --- | --- |
| OBJEKTIF KEPADA STRATEGI | Melahirkan pelajar yang memiliki kebijaksanaan dan resilien dalam menghadapi cabaran, budaya yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| i. Khidmat masyarakat/ Khidmat komuniti murid sekolah/ Program kesukarelawanan<br>ii. Program peningkatan jati diri | Bilangan program/peserta | 35 program setahun/5,000 peserta setahun | 2019 - 2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Pendidikan)<br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Dasar Kemajuan Islam) |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| iiii. Manual Pendidikan Sivik dan Nilai Murni | Bilangan manual | 1 manual dihasilkan | 2019 - 2025 | • KPWKM<br>• KPM<br>• KPT |
| iv. Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) | Bilangan program/peserta | 100 program/ 10,000 peserta setahun | | |
| v. Program pemantapan kefahaman akidah dan mencegah pemikiran ekstrem | Bilangan program/peserta | 10 program/ 1,000 peserta setahun | | **Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Penyelidikan, Bahagian Dakwah)<br>• YaPEIM<br>• JAIN/MAIN |
| vi. Program kepemimpinan Islam yang berketerampilan berintegriti | | | | |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| vii. Program Intervensi SPM untuk pelajar tahfiz | Bilangan program/peserta | 10 program setahun/1,000 peserta setahun | | |
| viii. Semakan dan penambahbaikan kurikulum pendidikan Islam (KAFA dan Tahfiz) | Bilangan semakan | 1 semakan dan penambahbaikan dihasilkan | | |



# TERAS 3

03

# PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN (R&D)



## STRATEGI

1. Melaksanakan kajian strategik berkaitan isu-isu kekeluargaan dan sosial.
2. Mewujudkan dan menambahbaik pangkalan data kekeluargaan dan sosial masyarakat Islam.

# TERAS 3

| STRATEGI 1 | **Melaksanakan kajian strategik berkaitan isu-isu kekeluargaan dan sosial** |
|---|---|
| **OBJEKTIF KEPADA STRATEGI** | Menjadi rujukan kepada agensi berkepentingan dalam membangunkan polisi dan program kepada golongan sasar |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Kajian isu- isu berkaitan kekeluargaan, sosial, pendidikan agama dan ekonomi keluarga | Bilangan kajian | 3 kajian setahun | 2019 – 2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Penyelidikan)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM<br>• KPWKM (LPPKN)<br>• KBS<br>• JAIN/MAIN<br>• IKIM<br>• YADIM |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| | | | | • JAWHAR<br>• JKSM<br>• JAPENS<br>• JABATAN MUFTI NEGERI |
| ii. Penerbitan bahan-bahan kajian (buku/ jurnal/pamflet/ infografik) untuk sebaran kepada masyarakat | Bilangan bahan penerbitan | 25 terbitan setahun | 2019 – 2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Penerbitan)<br><br>**Agensi pelaksana:**<br>• JAIN/MAIN<br>• IKIM<br>• YADIM<br>• JAWHAR<br>• JKSM<br>• JAPENS<br>• JABATAN MUFTI NEGERI |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| iii. Penjelasan tentang hasil kajian dalam bentuk program (fizikal/maya) | Bilangan program | 20 program setahun | 2019-2015 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Penyelidikan)<br><br>**Agensi pelaksana:**<br>• JAKIM (UKK, Bahagian Penyiaran)<br>• KK/KD<br>• JPM (UKK)<br>• JAIN/MAIN<br>• IKIM<br>• TV AL-HIJRAH<br>• YaPEIM<br>• YADIM<br>• JAWHAR<br>• JKSM<br>• JAPENS<br>• JABATAN MUFTI NEGERI |

# TERAS 3

| | |
|---|---|
| **STRATEGI 2** | **Mewujudkan dan menambahbaik pangkalan data kekeluargaan dan sosial masyarakat Islam** |
| **OBJEKTIF KEPADA STRATEGI** | Perkongsian data sebagai rujukan kepada pihak berkepentingan. |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Pembangunan sistem pangkalan data sosial Islam.<br>• Pewujudan sistem pangkalan data sosial Islam fasa 1<br><br>**Tempoh (fasa 1)**<br>• Kertas konsep<br>• Kelulusan kewangan<br>• Libat urus<br>• Integrasi<br>• Modul | Platform / mekanisme perkongsian data | 1 pusat data kekeluargaan dan sosial<br><br>Peratusan pelaksanaan fasa 1 | 2019 – 2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dasar Kemajuan Islam)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| | | | | (Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Penyelidikan) KPWKM |
| ii. Peluasan penggunaan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) | Bilangan negeri/agensi | 1 negeri/agensi setahun | 2019-2025 | |



# TERAS 4

04

# PEMERKASAAN UNDANG-UNDANG



## STRATEGI

1. Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-Undang syariah.
    - Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah
    - Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam
2. Menguatkuasakan pelaksanaan undang-undang berkaitan isu kekeluargaan dan sosial.

# TERAS 4

| STRATEGI 1 | **Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-Undang syariah**<br><br>**i. Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah**<br>**ii. Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam** |
|---|---|
| **OBJEKTIF KEPADA STRATEGI** | 1. Menambah baik undang-undang sedia ada berdasarkan keperluan semasa bagi menangani isu kekeluargaan dan sosial<br>2. Memperuntukkan hukuman berbentuk *Community Service* |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| 1) Penyediaan Instrumen Undang-Undang<br>• RUU Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah – Wilayah Persekutuan) (Pindaan)<br><br>(Catatan)<br>a. Kajian bagi penyediaan draf awal pindaan undang-undang sedia ada | Draf undang-undang disediakan | Sasaran keseluruhan adalah 1 draf undang-undang digubal<br><br>(Catatan)<br>a. satu draf undang-undang (awal) disediakan | 2024 - 2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Undang-undang)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JKSM<br>• JAIN/MAIN |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| b. Bengkel atau mesyuarat penggubalan undang-undang | | b. 5 sesi bengkel atau mesyuarat penggubalan undang-undang | | |
| c. Sesi dialog undang-undang atau libat urus bersama negeri-negeri bagi mendapatkan padangan dan maklum balas | | c. 1 Sesi dialog undang-undang atau libat urus bersama negeri-negeri dilaksanakan | | |
| d. Mengemukakan draf kepada Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan untuk kelulusan | | d. 1 Draf undang-undang yang telah dimurnikan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan | | |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| ii) Garis Panduan/ SOP | | 1 Draf dihasilkan | | |
| 2) Dialog/ Persidangan meja bulat/ Bengkel Semakan dan Penilaian Undang-undang sedia ada | Bilangan program | 5 program/ 300 peserta setahun | 2024-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Undang-Undang)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• PDRM<br>• JAIN/MAIN<br>• JKSM |



**STRATEGI 2** | **Menguatkuasakan pelaksanaan undang-undang berkaitan isu kekeluargaan dan sosial**

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI** | Menurunkan kadar kes kekeluargaan dan sosial

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Program bersepadu berkaitan pendidikan, penjelasan dan kempen kesedaran | Bilangan program/peserta | 100 program/ 2,000 peserta setahun | 2019 - 2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KDN (PDRM)<br>• KPWKM (JKM) |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| | | | | • JAKIM SABAH<br>• JAKIM SARAWAK<br>• JAIN/MAIN<br>• JKSM<br>• JAPENS |
| ii. Operasi Penguatkuasaan Undang-Undang secara bersepadu melibatkan pelbagai agensi | Bilangan program/peserta | 100 program/ 2,000 peserta setahun | 2019-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM SABAH<br>• JAKIM SARAWAK<br>• PDRM<br>• KDN<br>• JAIN/MAIN<br>• KPWKM (JKM) |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| iii. Program libat urus bersama pihak berkepentingan seperti NGO, JAKOA, Agensi Bukan Kerajaan,GLC | Bilangan program/peserta | 50 program/ 500 peserta setahun | 2019-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah) |
| iv. Program pengukuhan kompetensi kepada penguatkuasa dan pendakwa | | 100 program/ 2,000 peserta setahun | | **Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Sabah)<br>• JAKIM (Sarawak)<br>• KDN (PDRM)<br>• KPWKM (JKM)<br>• JAPENS<br>• JAIN/MAIN<br>• JKSM |





TERAS 5

05

# PEMERKASAAN
# SISTEM SOKONGAN SOSIAL



## STRATEGI

1. Memperkasa peranan belia dalam masyarakat.
2. Memperkasakan komuniti hijrah (Komuniti Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender yang telah berhijrah menjadi lebih baik.
3. Memperkasakan mekanisme sistem sokongan yang sedia ada supaya lebih inklusif.
4. Memperkukuhkan sokongan ekonomi di kalangan keluarga B40 (golongan isi rumah berpendapatan rendah).
5. Memperkasa peranan NGO-i sebagai rakan strategik.
6. Memperkasa peranan dan kemahiran agen penyampai ke arah keberkesanan program kekeluargaan dan sosial.

# TERAS 5

| STRATEGI 1 | Memperkasa peranan belia dalam masyarakat |
|---|---|
| OBJEKTIF KEPADA STRATEGI | 1. Mempromosikan peranan belia<br>2. Melahirkan kepimpinan belia sebagai penggerak aktiviti |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Program Kepimpinan Belia | Bilangan program/ TOT/ Kiosk/Modul | 10 program/ 1,000 peserta setahun | 2019 - 2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KPWKM (JKM)<br>• KBS<br>• YADIM<br>• JAIN/MAIN |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| ii. ToT dan Latihan kompetensi serta latihan aktivis/ sukarelawan | Bilangan program ToT | 10 program/ 200 orang setahun | 2019-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br>• KBS<br>• KPWKM (YKN)<br>• JAIN/MAIN<br>• YADIM |



# TERAS 5

| STRATEGI 2 | Memperkasakan komuniti hijrah (Komuniti Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender yang telah berhijrah menjadi lebih baik) |
|---|---|
| OBJEKTIF KEPADA STRATEGI | Mengupayakan komuniti hijrah dalam masyarakat |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Program Bimbingan Komuniti Hijrah | Jumlah Program | 100 program setahun | 2019-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah) |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| | | | | KPWKM<br>AADK<br>JKM<br>KKM<br>KK/KD<br>KBS<br>JAIN/MAIN<br>IKIM<br>YADIM<br>TV AL-HIJRAH |



# TERAS 5

| | |
|---|---|
| **STRATEGI 3** | **Memperkasakan mekanisme sistem sokongan yang sedia ada supaya lebih inklusif** |
| **OBJEKTIF KEPADA STRATEGI** | Meningkatkan tahap aksesibiliti golongan yang memerlukan perkhidmatan |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Program kolaboratif antara agensi | Bilangan program | 10 program/ setahun | 2024-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KKM<br>• JAIN/MAIN<br>• YADIM |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| ii. Memperluaskan khidmat sokongan bimbingan keluarga dan sosial | Bilangan pusat | 3 Pusat | 2024-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br>• KDN<br>• KPWKM<br>• KBS<br>• JAIN/MAIN<br>• YADIM |
| iii. Pendaftaran sukarelawan secara atas talian | Bilangan Sukarelawan | 150 orang | | |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| iv. Memperkasa perkhidmatan pusat perlindungan dan pemulihan Islam | Bilangan rumah perlindungan/ penerima manfaat | 5 rumah perlindungan/ 1,000 penerima manfaat setahun | 2024-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM<br>• KPWKM (JKM)<br>• KKM<br>• KDN (AADK)<br>• KBS<br>• JAIN/MAIN |



| | |
|---|---|
| **STRATEGI 4** | **Memperkukuhkan sokongan ekonomi di kalangan keluarga B40 (golongan isi rumah berpendapatan rendah)** |
| **OBJEKTIF KEPADA STRATEGI** | Memperkasa kemahiran untuk menjana pendapatan |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Program yang memberi bantuan sara hidup | Bilangan program | 10 program/ 500 orang penerima | 2024-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KPWKM (JKM)<br>• KBS<br>• JAIN/MAIN<br>• YaPEIM |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| ii. Program yang memberi bantuan modal | Bilangan program | 50 orang penerima | 2024-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KPWKM (JKM)<br>• KBS<br>• JAIN/MAIN<br>• YaPIEM |
| iii. Program pemberian bantuan peralatan | Bilangan penerima manfaat | 1000 orang penerima | | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KPWKM (JKM)<br>• KBS<br>• JAIN/MAIN<br>• YaPEIM |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| iv. Program pembangunan kemahiran | Bilangan peserta yang menerima kemahiran | 300 orang peserta setahun<br><br>Catatan:<br>*(Hanya bilangan peserta diambilkira kerana di kebanyakan agensi ia adalah program yang sama tetapi penerima manfaat yang berbeza)* | 2019 - 2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KKDW<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KPKT<br>• KBS<br>• JAIN/MAIN<br>• YADIM |
| v. Program pemantapan sokongan keusahawanan (latihan dan pemantauan berterusan) | Bilangan program/peserta | 100 program/ 2,000 peserta setahun | | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• KPWKM (JKM) |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| | | | | • KBS<br>• JAIN/MAIN YADIM<br>• YaPEIM |
| vi. Program kesedaran pembiayaan patuh Syariah kepada pemajak dan peminjam | Bilangan program/ peserta | 100 program/ 2,000 peserta setahun | 2019-1025 | **Agensi Peneraju**<br>• JAKIM (Bahagian Penyelidikan)<br><br>**Agensi Pelaksana**<br>• KKDW<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KPKT<br>• MOF<br>• JAIN/MAIN<br>• YaPIEM |

| STRATEGI 5 | Memperkasa peranan NGO-i sebagai rakan strategik |
|---|---|
| OBJEKTIF KEPADA STRATEGI | Meningkatkan jalinan kerjasama, kompetensi, pengupayaan dan penyampaian yang menyeluruh |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| i. Memberi latihan kemahiran dan khidmat sokongan | Program latihan dan pembangunan NGO-i | 10 program setahun | 2019 -2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti)<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KPKT<br>• JAIN/MAIN<br>• YADIM |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| ii. Bantuan dana khas untuk membantu/ penggerak kepada NGO-i | Bilangan NGO-i | 10 NGO-i setahun | 2019-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti)<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KPKT<br>• JAIN/MAIN |
| iii. Program berkala bersama NGO-i bagi meningkatkan jalinan kerjasama | Bilangan Program | 10 program setahun | 2019-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (Bahagian Dakwah)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti)<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KPKT<br>• YADIM<br>• JAIN/MAIN |

**STRATEGI 6** Memperkasa peranan dan kemahiran agen penyampai ke arah keberkesanan program kekeluargaan dan sosial

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI** Meningkatkan kepakaran dalam bidang kejurulatihan

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI YANG BERKUASA |
|---|---|---|---|---|
| i. Kursus Asas/Kursus Kemahiran/Bengkel kepada penceramah/ fasilitator/Daei YADIM/pemegang tauliah | Bilangan penceramah/ fasilitator/ jurulatih utama/ sukarelawan | 100 program/ 3,500 peserta setahun | 2019 -2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (ILIM)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti/ Bahagian Dakwah)<br>• KDN (AADK)<br>• KPWKM (LPPKN/JKM)<br>• KKM<br>• KKDW |

| PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN / TEMPOH SASARAN | AGENSI |
|---|---|---|---|---|
| | | | | • JAIN/MAIN<br>• YADIM<br>• JABATAN MUFTI NEGERI |
| ii. Kursus pemantapan/ *Training of Trainers* | Bilangan program/ peserta | 10 program/ 150 peserta setahun | 2019-2025 | **Agensi Peneraju:**<br>• JAKIM (ILIM)<br><br>**Agensi Pelaksana:**<br>• JAKIM (Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti/ Bahagian Dakwah)<br>• KPWKM (LPPKN/ JKM)<br>• JAIN/MAIN<br>• YADIM<br>• JABATAN MUFTI NEGERI |

> **Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) 2019-2025 merupakan sebuah dokumen yang komprehensif merangkumi lima teras utama dan dilaksanakan selama tujuh tahun bagi menangani isu-isu gejala sosial dalam kalangan umat Islam di negara ini.**

# PENUTUP

PTSI merupakan dokumen rujukan bagi pelaksanaan program-program secara bersepadu di peringkat persekutuan dan negeri. PTSI menjadi panduan kepada bahagian-bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) termasuk para rakan strategik dari kementerian/agensi dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang terlibat dalam tempoh pelaksanaan pelan ini dari tahun 2019 hingga tahun 2025.

PTSI memfokuskan kepada perincian setiap program yang dirangka melalui teras dan strategi yang disusun dengan mengambil kira pendekatan terkini, penyampaian yang efisien dan professional serta kerjasama yang menyeluruh dalam memaksimumkan kemampuan bagi mencapai impak yang tinggi.

Oleh yang demikian, usaha secara kolektif dan bersepadu amat diperlukan dalam mencapai visi PTSI. Kejayaan pelan ini memerlukan ketekunan, kerjasama erat dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak berkepentingan.

Diharapkan PTSI mampu menjadi salah satu wadah dalam menangani gejala sosial yang makin meruncing sekali gus memastikan hidup umat Islam di negara ini lebih dinamik dan sejahtera.

PTSI 2.0

# GLOSARI

| | | |
|---|---|---|
| PTSI | : | Pelan Tindakan Sosial Islam |
| JAKIM | : | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| JAIN | : | Jabatan Agama Islam Negeri |
| MAIN | : | Majlis Agama Islam Negeri |
| MKI | : | Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia |
| DSN | : | Dasar Sosial Negara |
| SDG | : | Sustainable Development Goal |
| PSA | : | Public Service Announcement |
| MAMPU | : | Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia |
| KKM | : | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| KKDW | : | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah |
| KPWKM | : | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| KDN | : | Kementerian Dalam Negeri |
| KBS | : | Kementerian Belia Sukan |
| JKSM | : | Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia |
| YADIM | : | Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia |
| YaPEIM | : | Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia |
| JKM | : | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| IKIM | : | Institut Kefahaman Islam Malaysia |
| JAWHAR | : | Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji |
| JAPENS | : | Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan |

| | | |
|---|---|---|
| KK | : | Kementerian Komunikasi |
| KD | : | Kementerian Digital |
| LPPKN | : | Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara |
| AADK | : | Agensi Anti Dadah Kebangsaan |
| PDRM | : | Polis Diraja Malaysia |
| KPKT | : | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| MOF | : | Ministry of Finance Malaysia |
| KPT | : | Kementerian Pendidikan Tinggi |
| JPPKK | : | Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti |
| KPM | : | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| BPSH | : | Bahagian Pengurusan Sekolah Harian |
| PISH | : | Pendidikan Islam Sepanjang Hayat |
| IPT | : | Institut Pengajian Tinggi |
| KAFA | : | Kelas Al-Quran dan Fardu Ain |
| SUMUR | : | Program Sahsiah Unggul Murid |
| SPPIM | : | Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia |
| JAKOA | : | Jabatan Kemajuan Orang Asli |
| NGO | : | Non-Governmental Organization |
| GLC | : | Government Linked Companies |





**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya, No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya

ptsi@islam.gov.my 03 - 8870 7000 www.islam.gov.my